

18 JUL 2002

Syed Hamid-Maghribi (Bergambar)

BALAI MAGHRIBI DIBINA DI PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 18 Julai (Bernama) -- Sebuah Balai Maghribi yang menggunakan seni bina dan bahan binaan dari negara itu akan dibina di sini bagi merapatkan hubungan dua hala Malaysia dan Maghribi.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata cadangan membina balai itu dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hasil lawatannya ke negara Afrika Utara itu April lepas.

"Pembinaannya juga selaras dengan usaha menjadi Putrajaya pusat pentadbiran kerajaan persekutuan yang dilengkapi pelbagai seni bina negara asing bagi merapatkan hubungan kebudayaan dan kemasyarakatan Malaysia dengan negara terbabit," katanya pada sidang media selepas dikunjungi Konsul Kehormat Malaysia di Casablanca, Ahmed Faissel El-Kadiri di pejabatnya di sini hari ini.

Syed Hamid turut menyerahkan wafat pelantikan daripada Yang di-Pertuan Agung Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail kepada El-Kadiri sebagai Konsul Kehormat Malaysia di ibu negara Maghribi.

Syed Hamid berkata balai berkenaan akan diisi dengan barang kelengkapan dan kesenian dari Maghribi.

Katanya, Malaysia telah menempah bumbung dan beberapa hasil seni dari Maghribi untuk ditempatkan di balai itu.

Antara seni bina asing yang sudah terdapat di Putrajaya ialah jambatan "Isfahan" yang bercirikan seni bina Iran.

-- BERNAMA

RZS ZS MOZ